

24 DEC 2002

Mahathir-Projek

MALAYSIA MEMBANGUN EKORAN KEUPAYAAN LAKSANAKAN PROJEK YANG DIRANCANG

PUTRAJAYA, 24 Dis (Bernama) -- Keupayaan jentera kerajaan melaksanakan segala projek yang dirancang membolehkan Malaysia muncul sebagai sebuah negara membangun yang paling pesat pembangunannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata berbeza daripada kebanyakan negara membangun lain yang tidak dapat melaksanakan projek yang dirancang, segala projek pembangunan yang dirancang di Malaysia dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan itu adalah kerana wujudnya jentera pemantauan yang mengawasi setiap projek yang dirancang.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis anugerah perkhidmatan cemerlang dan makan malam Unit Penyelarasan Pelaksanan (ICU) Jabatan Perdana Menteri di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata dengan adanya ICU yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan setiap projek kerajaan, negara telah dapat membangun dengan lebih pesat dan hasilnya rakyat dapat menikmati hasil pembangunan dan dapat hidup dengan lebih selesa.

Perdana Menteri berkata kepesatan pembangunan menyebabkan banyak pelawat asing menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara maju sungguhpun pada hakikatnya negara ini masih merupakan sebuah negara membangun.

"Malaysia akan hanya boleh menjadi sebuah negara maju apabila pendapatan per kapita penduduknya mencapai AS\$16,000 seorang dan Insyallah ini akan tercapai menjelang tahun 2020," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir mengakui bahawa beliau seringkali merujuk kepada data yang diperolehi daripada ICU dalam menentukan sesuatu projek yang dikemukakan kepadanya oleh pihak tertentu berdaya maju dan dapat dilaksanakan.

"Saya sering rujuk projek daripada maklumat yang diperolehi daripada ICU dan saya berpuas hati dengan segala data yang dikemukakan," kata Dr Mahathir.

Sebagai contoh, katanya kejayaan projek pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan banyak disumbangkan oleh dedikasi para pegawai ICU dalam memastikan semua projek yang dilaksanakan mengikut perancangan.

Dr Mahathir berkata pembinaan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran adalah penting terutama bagi generasi masa depan kerana dalam tempoh 20 tahun akan datang, Kuala Lumpur akan menjadi terlalu sesak dan tidak sesuai lagi sebagai pusat pentadbiran kerajaan.

Beliau berkata dengan adanya Putrajaya, Perdana Menteri Malaysia yang akan datang tidak perlu lagi membina pejabat yang lain sebagai pusat pentadbiran dan menambah bahawa Putrajaya merupakan satu tinggalan pemimpin sekarang untuk generasi akan datang.

Katanya berbeza dengan negara lain yang membina patung sebagai monumen kepada generasi akan datang, projek pembangunan seperti Putrajaya merupakan monumen kerajaan sekarang kepada generasi akan datang.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 32 pegawai serta kakitangan ICU JPM yang terdiri daripada 12 penerima pergerakan gaji melintang, 17 menegak dan tiga menerima anugerah khas Ketua Pengarah.

-- BERNAMA

AKT AKT ROS